

GENERASI pengguna

Wadah Informasi
Kelab Pengguna

DISEMBER 2012 • EDARAN PERCUMA



Muslihat
Pemikat
Iklan



Kenali Bahan
Tambah Makanan
Yang Menjamin
Kesihatan



Telefon Pintar
Manakah Popular
Di pasaran?



Keperluan vs
Kehendak
Remaja
Masa Kini



Berfikir Dahulu
Sebelum Makan
Makanan Laut




Ketahui Khasiat
Buah-Buah
Tempatan



Urus Kewangan
Secara
Berhemat

Waspada Skim Pelaburan Emas Haram





Waspada Skim Pelaburan Emas Haram

S: Pihak berkuasa telah menyerbu beberapa buah syarikat pelaburan berasaskan emas. Mengapakah pihak berkuasa membuat serbuan ke atas syarikat-syarikat tersebut?

J: Serbuan dibuat bagi melindungi kepentingan para pelabur daripada melaburkan lebih banyak wang dalam skim pelaburan yang berisiko, dan juga untuk melindungi kepentingan orang ramai.

Syarikat yang terbabit sedang dalam siasatan kerana disyaki melakukan kesalahan, termasuk mengambil deposit secara haram, mengubah wang haram, mengelakkan cukai, memberikan maklumat palsu termasuk pernyataan yang salah, melantik ejen tanpa lesen dan gagal mengemukakan dokumen berkanun.

S: Mengapakah timbul kebimbangan terhadap model perniagaan syarikat-syarikat tersebut?

J: Kebimbangan ini timbul kerana syarikat-syarikat

tersebut dipercayai menjalankan skim yang tidak dapat bertahan lama. Syarikat-syarikat tersebut menjanjikan pelabur pulangan bulanan yang lumayan dan jaminan belian balik emas. Skim tersebut bukan dibiayai oleh jual beli emas yang sebenar, sebaliknya dibiayai dengan menggunakan wang yang baru dilaburkan dalam skim ini.

Jumlah aset dan wang yang ada pada syarikat-syarikat ini biasanya tidak sepadan dengan jumlah yang dikumpulkan daripada para pelabur.

S: Mengapakah pihak berkuasa hanya mengambil tindakan sekarang?

J: Sebarang tindakan penguatkuasaan hanya boleh diambil setelah didapati terdapat sebab-sebab yang boleh dipercayai bahawa sesuatu kesalahan telah dibuat. Ini bagi mengelakkan sebarang tindakan penguatkuasaan yang terburu-buru atau melulu yang mungkin boleh menjejaskan perniagaan yang sah.

S: Apakah status tindakan yang diambil oleh pihak berkuasa?

J: Siasatan masih lagi berjalan. Orang ramai akan dimaklumkan oleh pihak berkuasa mengenai status terkini siasatan dari semasa ke semasa. Orang ramai dinasihatkan supaya merujuk kepada kenyataan rasmi yang dikeluarkan oleh agensi penguat kuasa undang-undang sahaja untuk sebarang maklumat terkini kes-kes ini.

S: Berapakah lama tempoh siasatan?

J: Tempoh siasatan bergantung pada tahap kompleksiti dan keseriusan kes. Tahap kompleksiti telah meningkat disebabkan oleh dimensi antarabangsa kes-kes tersebut. Kerjasama daripada pihak yang terbabit akan membantu proses siasatan. Siasatan ini diberi keutamaan yang tinggi dan semua sumber yang perlu telah digembeng oleh agensi penguat kuasa yang berkenaan untuk mempercepat siasatan.

... bersambung ke muka 4



Bil. 14, Edisi Okt 2012

2 • generasi pengguna

Sidang Redaksi

Penasihat

Y.Bhg Datuk Marimuthu Nadason
Presiden, Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia

Ketua Sidang Pengarang

Mohd Yusof Abdul Rahman

Timbalan Ketua Sidang Pengarang

Siti Rahayu Zakaria

Sidang Pengarang

Yu Kin Len, Pusat Penyelidikan dan Sumber Pengguna
Foon Weng Lian, Forum Air Malaysia
Mohana Priya, Persatuan Pengguna Standard Malaysia
Bahagian Gerakan Kepenggunaan, KPDNKK
Bahagian Kokurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia

Generasi Pengguna merupakan terbitan usahasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) dan FOMCA. Ia diterbitkan setiap bulan khusus untuk Kelab Pengguna Sekolah. Edaran naskhah adalah percuma.

Editor

GENERASI PENGGUNA
No 1D-1, Bangunan SKPPK,
Jalan SS 9A/17,
47300 Petaling Jaya, Selangor.
Tel : 03-7876 2009
Faks : 03-7877 1076
E-mel : fomca@fomca.org.my

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan
No 13, Persiaran Perdana, Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62623 Putrajaya.
Sesawang : www.kpdnkk.gov.my
Hotline : 1-800-886-800
Tel : 03-8882 5500
Faks : 03-8882 5762

Cetakan

فرجينتكن اساس جاي (مليسيا) سندريون برحد
Percetakan Asas Jaya (M) Sdn Bhd
No. 5B Tingkat 2, Jalan Pipit 2
Bandar Puchong Jaya,
47100 Puchong Jaya
Selangor Darul Ehsan

Untuk memuat turun Generasi Pengguna dalam format "PDF", sila layari laman sesawang www.fomca.org.my.

S: Mengapakah aset dibekukan dan dirampas?

J: Berhubung dengan kes skim pelaburan haram yang disyaki, pihak berkuasa boleh menjalankan operasi mencari dan merampas bagi mendapatkan bukti dan untuk mengelakkan syarikat daripada menyembunyikan atau memusnahkan bahan bukti. Ini juga menghalang aset daripada lesap kerana ia akan memberikan kesan buruk kepada pelabur. Di bawah seksyen 44, Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Akta Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 (AMLATFA), agensi-agensi penguatkuasaan undang-undang diberikan kuasa untuk membekukan apa-apa aset apabila disyaki bahawa suatu kesalahan pengubahan wang haram telah dilakukan.

S: Apakah yang akan terjadi kepada aset dan emas yang dirampas?

J: Aset yang dirampas semasa serbuan dibuat akan didokumenkan dengan teliti dan diambil kira serta disimpan di tempat yang selamat. Sekiranya terdapat prosiding jenayah, aset tersebut hanya boleh diuruskan atas perintah Mahkamah.

S: Bolehkah pelabur yang terbabit menuntut kembali wang atau emas mereka daripada aset yang dirampas?

J: Aset yang dirampas semasa siasatan dijalankan hanya boleh diuruskan atas perintah Mahkamah. Pelabur mungkin boleh memfailkan kepada Mahkamah tuntutan pihak ketiga bagi pemulangan wang atau emas mereka. Maklumat tentang cara untuk memfailkan sesuatu tuntutan akan diberitahu apabila prosiding mahkamah selesai.

S: Apakah nasihat kepada orang ramai yang ingin melabur?

J: Orang ramai dinasihati supaya sentiasa berhati-hati terhadap skim pelaburan yang menjanjikan pulangan tinggi dengan risiko yang kelihatan rendah, dengan memberikan jaminan bahawa jumlah pokok yang dilaburkan itu akan dipulangkan. Orang ramai juga dinasihati supaya merujuk kepada

agensi yang berkenaan apabila berurusan dengan syarikat atau individu yang menawarkan peluang perniagaan atau perkhidmatan kewangan yang kelihatan menarik tetapi tidak diberikan lesen oleh pihak berkuasa.

Sebagai panduan, orang ramai digalakkan mengambil perhatian perkara berikut apabila menilai sesuatu skim pelaburan:

- Ingatlah – sekiranya skim tersebut adalah indah khabar dari rupa, berkemungkinan besar skim tersebut adalah skim palsu;
- Berwaspada dengan skim Ponzi. Ia merupakan skim pelaburan yang berunsur penipuan apabila pengendalinya mengambil wang daripada pelabur baharu untuk membayar kepada pelabur awal atau sedia ada. Akhirnya, akan sampai satu peringkat apabila jumlah pelabur baharu tidak mencukupi untuk menyokong skim ini, dan seterusnya keseluruhan skim mengalami kegagalan;
- Berurusan hanya dengan institusi kewangan berlesen dan peniaga yang sah;
- Rujuk kepada pihak berkuasa yang berkenaan sebelum melabur/mendeposit wang;
- Jangan terpengaruh atau terburu-buru untuk melabur;
- Hendaklah lebih berhati-hati dengan pelaburan melalui Internet;
- Berwaspada dengan apa-apa peluang pelaburan yang tidak bertulis;
- Jika pelaburan telah dibuat, simpan salinan semua dokumen pelaburan; dan
- Rujuk laman sesawang amaran penipuan kewangan berikut:

<http://www.bnm.gov.my/microsites/fraudalert/index.htm>

<http://www.sc.com.my/sub.asp?pageid=&menuid=233&newsid=&linkid=&type=>

Sekiranya anda mengetahui skim pelaburan yang berunsurkan penipuan, anda digalakkan untuk membuat laporan polis.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Ingatlah! - sekiranya skim tersebut adalah indah khabar dari rupa, berkemungkinan besar skim tersebut adalah skim palsu.



MUSLIHAT PEMIKAT IKLAN



Matlamat asas sesebuah iklan adalah memujuk dan memikat pengguna untuk membeli sesuatu barangan atau perkhidmatan. Untuk memastikan sesebuah iklan itu berupaya menarik perhatian pengguna, pengiklan menggunakan pelbagai jenis pemikat. Pemikat iklan ini dipilih berdasarkan kepada ciri barangan atau perkhidmatan yang ingin dijual dan jenis pengguna yang menjadi sasarannya.

Pemikat iklan ialah pendekatan yang digunakan pengiklan untuk mendorong pengguna membeli sesuatu barangan atau perkhidmatan. Terdapat beberapa pemikat iklan yang digunakan dalam sesebuah iklan, antaranya:

1. Pemikat emosi

Pemikat ini akan memainkan hasrat, cita-cita, impian dan perasaan tertentu pengguna. Emosi pengguna digunakan oleh pengiklan, termasuk keinginan untuk menjadi terkenal, kedudukan tinggi dalam masyarakat, bangga diri, bersaing dari segi kebendaan dengan orang lain dan sebagainya.

2. Pemikat logik

Pengiklan menggunakan kaedah yang seolah-olah boleh diterima akal tentang sesuatu barangan atau perkhidmatan yang sama jenis tetapi berlainan jenama adalah lebih baik. Penekanan diberikan tentang barangan atau perkhidmatan tersebut yang mempunyai ramuan yang istimewa, pencapaian terbaik dan kualiti yang baik. Pengiklan menggunakan kaedah perbandingan antara satu barangan dengan barangan lain yang sama jenisnya. Kehebatan barangan tersebut ditonjolkan, yang tidak terdapat pada barangan yang dibandingkan itu.

3. Pemikat akuan

Pengiklan menggunakan individu tertentu yang dikenali untuk mengakui bahawa mereka menggunakan barangan atau perkhidmatan yang diiklankan. Mereka akan memberikan testimoni bahawa apabila menggunakan barangan atau perkhidmatan tersebut, ia memberikan kesan yang lebih baik berbanding dengan barangan atau perkhidmatan lain yang digunakan.

4. Pemikat semua orang menggunakannya

Pengiklan memainkan sifat manusia yang tidak

mahu berseorangan atau menjadi sama seperti orang lain atau kumpulan tertentu. Iklan akan menggunakan pengakuan bahawa semua orang menggunakan barangan atau perkhidmatan tersebut, dan membuat pertanyaan, "Mengapa tidak anda?"

5. Pemikat daya kreatif

Iklan jenis ini ditujukan kepada individu yang menganggap diri mereka sebagai seorang yang kreatif dan 'lain daripada yang lain'. Barangan yang sering menggunakan pemikat jenis ini adalah pakaian, kasut, jam tangan dan lain-lain.

6. Pemikat kebimbangan

Pengiklan menggunakan psikologi pengguna yang mudah berasa takut atau bimbang untuk melariskan jualan barangan atau perkhidmatan mereka. Iklan jenis ini sengaja menimbulkan kebimbangan dalam diri pengguna, namun apabila menggunakan barangan atau perkhidmatan yang diiklankan, kebimbangan tersebut hilang dan masalah yang dihadapi dapat diatasi. Pemikat ini biasanya ditujukan kepada golongan remaja dan ibu bapa, memandangkan golongan ini mudah berasa bimbang atau kurang keyakinan diri.

7. Pemikat hadiah

Iklan menggunakan hadiah istimewa yang diberikan kepada pengguna barangan atau perkhidmatan tersebut. Hadiah yang diberikan itu merupakan sesuatu yang istimewa, yang diinginkan oleh pengguna, seperti telefon pintar keluaran terbaharu. Pengguna sebenarnya membeli barangan tersebut kerana ingin mendapatkan hadiah istimewa berkenaan. Namun hadiah tersebut tidak akan diperoleh oleh pengguna secara automatik apabila membeli barangan tersebut kerana ia dibuat melalui cabutan bertuah!

8. Pemikat subliminal

Pemikat subliminal ialah iklan yang menggunakan mesej yang disampaikan di bawah paras kesedaran pengguna. Mesej iklan ini akan mempengaruhi pemikiran pengguna tanpa disedarinya. Oleh itu, iklan yang menggunakan pemikat subliminal dianggap sebagai tidak beretika.



Kenali Bahan Tambah Makanan Yang Menjamin Kesihatan

Apakah itu bahan tambah makanan?

Bahan tambah makanan adalah bahan yang ditambah dengan sengaja ke dalam makanan bagi tujuan memperbaiki kualiti, persembahan (tekstur, rupa, konsistensi), perisa, bau, rasa dan jangka hayat penyimpanan tetapi tidak termasuk vitamin dan mineral.

Jenis bahan tambah makanan

- **Asid alginik** – Terdapat pada dinding sel alga perang. Juga dikenali sebagai algin / alginat. Fungsinya adalah menyerap air dengan cepat dan digunakan sebagai agen pengeras pada ais krim. Terdapat pada ubat pelangsing badan
- **Asid adipik** – Jumlah yang kecil digunakan dalam makanan sebagai penambah perisa.
- **Asid fumarik** – Bersifat asid yang digunakan sebagai perasa masam dalam gula-gula dan juga digunakan dalam soda pembuatan kek.
- **Asid glutamik** – Merupakan sejenis asid amino. Digunakan sebagai perasa dalam keju dan sos soya untuk memberikan rasa.
- **Butilhidrokuinon tertier (TBHQ)** – Sebagai pengawet bagi minyak sayuran tidak tepu. Mengekalkan warna dan tidak menghilangkan bau. Juga digunakan dalam penyimpanan makanan yang disejukkan seperti ikan.
- **Gam kacang lokus** – Juga dikenali sebagai karobin, E410. Diekstrak daripada biji pokok Karob dan digunakan sebagai agen penebal dan gel dalam industri makanan. Mudah larut dalam air.
- **Gam Xantan** – Merupakan sejenis polisakarida yang digunakan dalam salad dan sos salad. Berfungsi untuk mengasingkan minyak. Sesetengah orang akan berasa pening apabila makan salad dan sos yang mengandungi gam xantan.
- **Klorofil** – Pigmen hijau yang dijumpai dalam kebanyakan tumbuhan, alga dan sianobakteria. Digunakan untuk mewarnakan makanan untuk memberikan warna hijau
- **Monosodium glutamat, MSG** – Juga dikenal sebagai sodium glutamat. Digunakan secara meluas sebagai bahan tambah makanan dan penambah perisa.
- **Potasium benzoat** – Menghalang pertumbuhan kulat dan bakteria. Ia digunakan sebagai agen pengawet bagi makanan berasid, seperti jus buah-buahan, jeruk dan minuman ringan.
- **Sorbitol** – Digunakan dalam diet sebagai pengganti gula. Biasanya digunakan dalam makanan diet dan ais krim diet. Ia juga berupaya memberikan tenaga.

Tip bagi pengguna

1. Label merupakan satu perkara yang sangat penting dalam memberikan maklumat mengenai sesuatu barangan.
2. Di bawah undang-undang yang sedia ada, bahan tambah makanan yang ditambah harus dinyatakan dalam label.
3. Pengguna harus menumpukan perhatian pada label untuk mengetahui bahan tambah makanan yang terdapat dalam barangan tersebut.
4. Maklumat pada label boleh membantu seseorang pengguna untuk membuat pilihan yang tepat dan sesuai.



Telefon Pintar Manakah Popular Di Pasaran?

Apabila anda bercadang untuk membeli telefon pintar baru, anda mungkin bertanyakan kepada jurujual, "Apakah jenama telefon yang paling baik untuk saya beli?". Antara jawapan biasa yang anda dengar daripada jurujual adalah "Ia bergantung kepada...". Ini disebabkan oleh keperluan dan keinginan setiap individu adalah berbeza. Kemungkinan juga anda dicadangkan oleh jurujual dengan jenama Samsung Galaksi SIII (GSIII) yang merupakan jenama perhatian ramai pada masa ini.

Menurut satu ujian makmal yang dilakukan oleh *Consumer New Zealand*, Samsung Galaksi SIII merupakan antara telefon pintar yang mencatatkan peratusan tertinggi berbanding telefon kedua terbaik, iaitu iPhone 5. Walau bagaimanapun, margin perbezaan kedua-duanya jenama ini sangat sedikit dan ia tidak menggambarkan perbezaan secara menyeluruh.

Prestasi ujian:-

iPhone	Samsung Galaxy SIII
Skor yang baik terhadap paparan skrin dan mempunyai resolusi rendah pada "retina" skrin.	Dalam kebanyakan kes, pengguna menggemari skrin SGIII dan penggunaan operasi secara keseluruhan.
Ciri pembuatan dan ketahanannya tinggi.	Agak mudah tercalar.
Skor tinggi terhadap ujian tahan daya rintangan air dan kejatuhan.	Skor tinggi terhadap ujian tahan daya rintangan air dan kejatuhan.
Skor tinggi untuk panggilan dan mesej.	Skor tinggi untuk panggilan dan mesej.
Mempunyai kualiti video dan gambar yang lebih baik.	Kamera yang baik, tetapi kualiti video dan gambar agak kurang.

Perbandingan di atas adalah berdasarkan kepada skor ujian. Bagaimana pula faktor-faktor lain yang boleh menjadi pertimbangan anda untuk memiliki telefon pintar ini?

- Anda suka iPhone5 kerana ia cantik: paparan skrin yang cantik, bergaya dan kelihatan cool.
- Anda telah mempunyai jenama iPhone sebelum ini dan tidak mahu ketinggalan untuk menggunakan

model iPhone terbaharu ini.

- Anda ingin bermain banyak permainan dan aplikasi ini hanya boleh didapati melalui perisian iOS sahaja.
- Ramai rakan anda mempunyai iPhone dan anda mahu turut bermain permainan dengan mereka.

Atau mungkin

- Anda suka dengan Galaxy SIII kerana paparan skrinnya yang lebih besar.
- Anda tertarik dengan kehebatan aplikasi google.
- Anda tidak berminat untuk membeli kabel dan perkakasan sokongan berkaitan dengan telefon anda.
- Rakan-rakan anda mempunyai telefon android dan anda mahu berkongsi untuk bermain permainan dengan mereka .
- Rakan-rakan anda turut mempunyai GSIII dan anda ingin berkongsi gambar, video, lagu-lagu hit terkini.

Antara model telefon yang turut mendapat perhatian ialah HTC One X (sangat baik untuk menaip) dan Sony Xperia P (baik untuk telefon bimbit). Kedua-duanya merupakan telefon adroid yang baik dan mempunyai paparan skrin yang baik.

Berikut adalah jadual perbandingan skor dan paparan untuk rujukan pengguna.

Model	Peratusan Skor (%)	Saiz paparan (inci)	Resolusi paparan
Samsung Galaxy S III (32GB)	80	4.8	720 x 1280
Apple iPhone 5 (64GB)	79	4.0	640 x 1136
Apple iPone 4S (64GB)	77	3.5	640 x 960
Samsung Galaxy SII	77	4.1	480 x 800
HTC One X	76	4.6	720 x 1280
Sony Xperia P LT22i	74	4.0	540 x 960

Sumber: *Consumer.org.nz*

Keperluan Vs Kehendak Remaja Masa Kini



Apakah itu 'Keperluan'?

Keperluan adalah sesuatu yang anda perlu ada kerana anda tidak boleh hidup tanpanya, sebagai contoh makanan. Anda perlu makan untuk hidup kerana tanpa makanan, anda mungkin tidak dapat hidup lama.

Apakah itu 'Kehendak'?

Kehendak merupakan sesuatu yang anda inginkan tetapi tidak semestinya perlu. Barang kemas adalah suatu kehendak kerana anda tidak perlu memakainya untuk hidup.

Siri ilustrasi ciptaan Erin Hanson ini mengingatkan anda tentang perkara yang penting di dalam kehidupan anda. Motto beliau ialah "*Most people 'want' everything, but they only 'need' enough to survive*". (Kebanyakan orang inginkan semuanya, tetapi mereka hanya memerlukan secukupnya untuk hidup)

Kehendak



Keperluan



Saya memerlukan matahari untuk kehidupan sekarang dan masa akan datang, komputer hanyalah sebahagian daripada alat untuk melengkapkan tugas harian.

Kehendak


facebook

Keperluan

face a book

Saya harus mempunyai pemikiran yang bijak dan bukannya hanya mendengar tanpa berfikir.

Kehendak



Keperluan



Bil bulanan saya menyatakan membeli telefon "bisu" adalah langkah yang bijak.

Kehendak



Keperluan



Dehidrasi saya menyatakan saya memerlukan air, tetapi pundi kencing saya menyatakan tidak.

Kehendak



Keperluan



Tiada nadi, tiada peluang

Kehendak



Keperluan



Selamat tinggal wang atau Selamat datang dunia baru.

Kehendak



Keperluan



Jika ia masih dimainkan, ia akan kekal

Kehendak



Keperluan



Membawa pulang daging yang dibeli seolah-olah membuatkan saya membeli semua daging yang saya mahukan.

Kehendak



Keperluan



Mencuba itu sesuatu yang memenatkan, tetapi itulah jalan untuk berjaya.

Kehendak



Keperluan



Saya berterima kasih atas apa yang saya nikmati sekarang ini.

Kehendak



Keperluan



Adalah sukar untuk membuat perkara yang benar apabila anda pun terlibat dalam perkara tersebut.

Kehendak



Keperluan



Kesabaran itu bukan prinsip saya

Kehendak



Keperluan



Gigi yang reput vs. buku saku yang reput

Kehendak




Keperluan



Mengecilkan saiz kumpulan makanan akan mengecilkan jangka hayat saya.

Kehendak



Keperluan



Perjalanan sakit sementara untuk keuntungan keseronokan yang kekal

Kehendak



Keperluan



Mengetahui apa yang anda suka tidak bermakna anda hanya perlu menyukai apa yang anda tahu.

Kehendak



Keperluan



Jika anda berbau seperti busuk, anda akan mendapat bau busuk.



Berfikir Dahulu Sebelum Makan Makanan Laut

Dengan purata 45kg hasil laut yang dimakan oleh setiap rakyat Malaysia setahun, ia menjadikan rakyat Malaysia sebagai pengguna hasil laut yang tertinggi di Asia Tenggara dan berada di belakang Jepun bagi benua Asia.

Dana Hidup Liar Dunia (*World Wildlife Fund, WWF*) Malaysia dan Persatuan Pencinta Alam (*Malaysia Nature Society, MNS*) telah melancarkan program 'Selamatkan Hasil Laut Kita' pada bulan Jun 2012. Mereka juga telah memperkenalkan satu panduan hasil laut untuk para pengguna Malaysia untuk mengelakkan mana-mana hasil laut yang semakin berkurangan.

Pakar-pakar saintis dunia meramalkan bahawa sekiranya eksploitasi hasil laut masih dijalankan secara berleluasa, maka hasil laut dunia akan kepupusan dalam tempoh 40 tahun. Menurut Ketua Pegawai Eksekutif WWF Malaysia, Datuk Dionysius Sharma, penggunaan hasil laut negara di Malaysia akan meningkat kepada 50kg setiap seorang dalam tempoh terdekat pada masa hadapan.

Beliau juga menekankan bahawa eksploitasi hasil laut berlaku secara berlebihan dan tidak lestari di Malaysia untuk menangani pasaran hasil laut yang berkembang pesat ini sejak tahun 1980-an lagi. Sekiranya keadaan ini tidak berubah, negara akan menghadapi kekurangan hasil laut.

Pada masa ini, negara mempunyai 12,000 orang nelayan dan penternak ikan, dengan tangkapan hasil laut sebanyak 1.65 juta tan yang bernilai sebanyak RM5.8 bilion. Melalui soal selidik yang telah dijalankan, dua pertiga daripada responden akan mengurangkan atau berhenti memakan hasil laut sekiranya stok hasil laut menurun. Manakala hanya satu pertiga orang yang mengetahui bahawa stok hasil laut telah menurun secara mendadak.

Selain itu, Pengarah Eksekutif MNS, Dr. Loh Chi Leong berkata bahawa rakyat Malaysia memang suka makan hasil laut. Namun sebelum makan, buatlah pilihan yang wajar dengan mengelakkan daripada memakan hasil laut yang bakal pupus.

Panduan Hasil Laut untuk Pengguna-pengguna Malaysia

Elakkan	Fikir Dahulu	Dicadangkan
Bawal Putih		Lala
Bawal Hitam		Ikan Bilis
Pari	Terubok	Selar Kuning
Kerisi	Siput Retak Seribu	Sotong Mengabang
Parang	Timun Laut	Belanak
Ikan Sebelah	Jenahak	Tongkol
Bulus	Senangin	Kembong
Sotong Biasa	Ketam Bunga	Tenggiri
Sotong Katak	Ikan Merah	Cencaru
Udang Karang	Udang Putih	Siakap Merah
Udang Lobok	Kerapu Sonah	Kerapu Tikus
Mameng	Siakap	Kerapu Kertang
Udang Lipan	Udang Harimau	Bawal Emas
Kerepoh	Udang Putih Pasifik	Kerang
Kunyit-Kunyit	Kerapu Harimau	Siput Sudu / Kupang
Kerapu Bara		Tiram
Kerapu Ekor Gelap		Ketam Bakau
Kerapu Bintik Jingga		
Kerapu Lumpur		
Kerapu Bebeh		

Ketahui Khasiat Buah-buahan Tempatan



Dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu pada masa ini, pengguna merasakan bahawa harga barangan, khususnya barangan makanan mengalami kenaikan harga. Barangan makanan penting untuk keperluan hidup dan proses tumbesaran. Oleh itu, pelbagai jenis nutrien diperlukan untuk memastikan tubuh badan kuat dan sihat.

Terdapat pelbagai jenis makanan yang dapat memberikan nutrien yang seimbang. Salah satu makanan yang penting dan berkhasiat ialah buah-buahan.

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mengesyorkan pengambilan lima hidangan buah-buahan dan sayur-sayuran pada setiap hari untuk mencegah penyakit yang kronik. Namun begitu, penemuan daripada Kajian Kesihatan dan Morbiditi pada tahun 2011 menunjukkan bahawa terdapat sebanyak 92.5% orang dewasa Malaysia tidak mengambil buah-buahan dan sayur-sayuran yang mencukupi seperti yang disarankan. Manakala, terdapat 96.3% remaja yang berumur antara 13 hingga 18 tahun tidak mengambil buah-buahan dan sayur-sayuran yang mencukupi.

Pengambilan buah-buahan dan sayur-sayuran adalah amat penting dalam diet harian. Selain daripada mendapat vitamin yang mencukupi daripada makanan tersebut, terdapat juga mineral lain seperti serat yang penting untuk penghadaman.

Walau bagaimanapun, buah-buahan seperti oren, epal, dan anggur dianggap sebagai buah-buahan yang mahal. Bagaimanakah anda boleh makan buah-buahan yang berkhasiat dan dalam masa yang sama dapat berjimat?

Sebenarnya Malaysia diberkati dengan iklim yang sesuai untuk penanaman pelbagai jenis buah-buahan tropikal. Buah-buahan tempatan ini bukan sahaja sedap, tetapi juga berkhasiat tinggi. Anda dapat membeli buah-buahan tempatan yang lebih segar dengan harga yang lebih murah daripada buah yang diimport. Jika rumah anda mempunyai laman yang luas, anda juga boleh menanam buah-buahan tempatan, seperti betik dengan pisang yang berkhasiat tinggi dan mudah untuk ditanam.

Sekarang, mari lihat apakah khasiat yang terdapat di dalam buah-buahan tempatan?



Pisang

- Memberi sumber tenaga yang segera.
- Membantu untuk mengatasi masalah sembelit.
- Mengandungi Triptofan, iaitu sejenis protein yang akan diubah oleh badan menjadi Serotonin yang

akan membantu anda berasa relaks dan gembira.

- Boleh merangsang pengeluaran hemoglobin di dalam darah. Ini dapat menangani masalah anemia.



Betik

- Mempunyai serat yang dapat mencegah toksin di dalam usus besar.
- Mengandungi antioksidan.
- Kaya dengan papain, sejenis enzim yang baik untuk pencernaan.
- Baik untuk jantung.
- Membantu dalam pemulihan luka.




Jambu batu

- Baik untuk mengubati masalah sembelit.
- Berkesan dalam menurunkan kolesterol dan tahap glukosa dalam darah.
- Antioksidan yang berkesan.
- Dapat memperbaiki keadaan kulit dan mencegah masalah kulit.
- Jus jambu batu yang mentah dapat melegakan batuk dan selsema.

Tembikai

- Dapat membantu dalam mengurangkan risiko untuk mendapat kanser prostat dan penyakit



kardiovaskular.

- Biji tembikai ialah sumber protein yang baik
- Dapat meningkatkan sistem imun anda supaya anda kurang jatuh sakit.
- Kaya dengan vitamin B, yang amat diperlukan untuk menghasilkan tenaga.
- Dapat mengawal tekanan darah.



Nanas

- Mengandungi potasium yang tinggi dengan kandungan sodium yang kecil, yang dapat menurunkan tekanan darah.
- Melindungi mata daripada menghadapi masalah yang berkaitan dengan umur kerana ia kaya dengan antioksidan.
- Membantu untuk membina tulang yang sihat
- Membantu untuk meredakan batuk dan mencairkan lendir.
- Melindungi badan daripada radikal bebas yang akan menyerang sel yang sihat.
- Membantu untuk membina sistem imun badan yang semula jadi.
- Membantu untuk menghalang pembentukan plak pada gigi.



Urus Kewangan Secara Berhemat

Wang merupakan sumber terhad yang dimiliki oleh individu untuk digunakan bagi mendapatkan barangan dan perkhidmatan di pasaran. Wang dihasilkan daripada pengetahuan dan kemahiran yang dimiliki oleh individu. Penggunaan wang merangkumi wang kertas, pembiayaan dan perkhidmatan kredit yang ditawarkan oleh pihak perbankan.

Kitaran wang adalah bermula dengan pendapatan, perbelanjaan dan agihan. Proses kitaran wang menghasilkan aktiviti mendapatkan wang, membelanjakan wang dan mengagihkan wang tersebut apabila individu meninggalkan dunia. Berdasarkan sifat wang yang terhad ini, maka individu perlu bijak mengurus wang agar dapat memenuhi segala keperluan diri.

Konsep Nilai untuk Wang

Secara ringkasnya, konsep Nilai Untuk Wang (NUW) bermaksud mendapatkan manfaat maksimum dengan sumber-sumber yang sedia ada. Keputusan yang melibatkan NUW adalah realiti setiap hari yang perlu dihadapi oleh pengguna. Pengguna lazimnya akan menimbang antara kualiti dan kos sesuatu barangan atau perkhidmatan sebelum membuat keputusan sesuatu pembelian.

NUW adalah usaha mencapai keseimbangan antara ekonomi (*E-economy*), kecekapan (*E-efficiency*) dan keberkesanan (*E-effectiveness*), iaitu berkaitan usaha untuk mengurangkan perbelanjaan, perbelanjaan dengan baik dan perbelanjaan dengan bijak. NUW bukan sahaja tentang langkah-langkah kos barangan dan perkhidmatan, tetapi juga mengambil kira campuran kos dengan kualiti, sumber penggunaan, kesesuaian bagi

maksud dan ketepatan masa supaya usaha pembuatan keputusan membentuk nilai yang baik.

Ekonomi adalah jumlah kos yang masuk ke dalam proses menyediakan perkhidmatan, seperti kos sejam pekerja penjagaan atau sewa setiap meter persegi tempat penginapan. Kecekapan adalah ukuran produktiviti, iaitu berapa banyak anda dapat berhubung dengan apa yang dikemukakan. Sebagai contoh, bilangan orang melawat setiap pekerja penjagaan di rumah setiap minggu atau jumlah sampah yang dikutip oleh setiap lori sampah. Keberkesanan adalah ukuran kesan yang telah dicapai, yang boleh sama ada kuantitatif atau kualitatif. Keberkesanan juga melibatkan aspek ekuiti serta kualiti. Kemampuan adalah satu aspek keberkesanan yang semakin penting.

Kenapa Mengurus Wang

Wang adalah sumber yang terhad berdasarkan kemampuan anda untuk menjana pendapatan. Nilai semasa wang akan sentiasa berubah disebabkan peningkatan inflasi sesebuah negara. Harga suatu barangan hari ini tidak akan sama nilainya dengan harga barangan pada masa hadapan. Kecekapan dan kemahiran mengurus wang menentukan nilai simpanan wang yang dimiliki. Adalah tidak bijak jika menyimpan wang pada kadar 3 peratus berbanding dengan peningkatan harga barangan dan kadar inflasi melebihi 4 peratus.

Objektif Pengurusan Bijak Wang

Pengurusan bijak wang dapat bertujuan untuk mendidik cara menguruskan wang melalui penyediaan pelan

perbelanjaan peribadi dan mengenal pasti cara-cara untuk mengurangkan perbelanjaan dan meningkatkan pendapatan. Untuk mencapai objektif ini, anda perlu:

i. Memahami Kesan Tabiat Perbelanjaan Harian

- mengetahui wang anda dibelanjakan melalui rekod perbelanjaan harian.
- mengkaji perbelanjaan wang anda sambil memyemak beberapa perkara yang boleh dilakukan untuk mengurangkan perbelanjaan agar lebih daripada proses belanjawan dapat digunakan untuk simpanan masa hadapan

ii. Membangunkan Belanjawan

- Rancang perbelanjaan anda dengan membangunkan belanjawan. Berdasarkan belanjawan, anda boleh mengurus hidup dan berbelanja mengikut kemampuan berdasarkan pendapatan bulanan anda. Membuat beberapa perubahan perbelanjaan untuk kekal dalam belanjawan dan tidak menggunakan kad kredit untuk aktiviti pembelian yang tidak perlu.

iii. Merancang Untuk Pembelian Utama

- membuat simpanan untuk pembelian utama tanpa menggunakan kredit.
- mencari maklumat untuk kos kredit yang rendah, jika pembelian terpaksa dilakukan.
- Menggunakan kredit hanya perlu jika kadar keuntungan simpanan lebih rendah daripada kos pembiayaan.

iv. Simpan Untuk Kecemasan dan Pelaburan

- Satu peraturan yang baik, iaitu sekurang-kurangnya mempunyai simpanan enam bulan gaji dalam menghadapi saat kecemasan. Walaupun matlamat ini akan mengambil masa untuk mencapai, ia adalah penting untuk memastikan anda sentiasa bersedia untuk menghadapi kecemasan yang tidak diduga.
- Lebih sumber daripada proses kepenggunaan boleh diagih dalam bentuk simpanan jangka pendek atau jangka panjang melalui aktiviti pelaburan dalam bentuk aset hartanah atau unit amanah.

v. Merancang Persaraan

- Mengambil kira keperluan kewangan dan kesihatan selepas bersara. Yuran perubatan dan kos sara diri merupakan dua perkara utama yang memerlukan sumber kewangan yang besar kepada individu yang bersara.

vi. Mengurus Hutang Dan Kredit

- Hutang peribadi wujud daripada pembiayaan pelbagai keperluan pengguna, seperti hutang rumah, kenderaan dan sewa beli. Selain itu, hutang jangka pendek seperti kad kredit dan pinjaman peribadi perlu dikawal dan diurus dengan baik. Kegagalan mengurus kredit dengan baik mengakibatkan pengguna sukar mendapatkan pembiayaan kewangan pada masa hadapan.

vii. Dapatkan Nasihat Cukai

- Pengurusan cukai adalah satu usaha yang dapat mengurangkan pengaliran keluar sumber kewangan. Terdapat pelbagai potongan dan rebat yang dapat digunakan untuk mengurangkan pembayaran cukai. Pengetahuan berkaitan pengurusan cukai akan meningkatkan nilai simpanan dan mengurangkan pembayaran yang tidak perlu.

viii. Simpan Rekod Kewangan Yang Baik


- Rekod kewangan yang baik membantu pengguna menilai aliran keluar masuk sumber kewangan. Ia juga membantu pengguna memantau nisbah kecairan dan nilai pemilikan aset berbanding hutang. Rekod juga dapat mengurangkan pembayaran dua kali kepada sesuatu barangan. Seterusnya, ia dapat mengurangkan kos kewangan pengguna. Pengguna digalakkan menggunakan rekod dalam talian serta salinan kertas resit untuk menyimpan rekod. Mereka juga perlu mengumpul rekod berkaitan maklumat perbankan, cukai, insurans dan dokumen penting lain untuk rujukan masa hadapan.

KARYA KEPENGGUNAAN

Kemukakan karya-karya menarik berkaitan kepenggunaan (dalam bentuk cerpen, pantun, sajak, gambar, berita, pandangan, komen, risalah, poster dan lain-lain) ke alamat berikut:

Bahagian Gerakan Kepenggunaan
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan,
Aras 4, Lot 2G3, Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62623 Putrajaya
Tel : 03-8882 5979
Faks : 03-8882 5983
E-mel : bk@kpdnkk.gov.my

Pastikan setiap sumbangan karya disertakan nama, nombor kad pengenalan dan alamat penuh. Karya-karya bertuah yang tersiar dalam Buletin Generasi Pengguna akan memenangi hadiah misteri yang menarik!!



Borang Maklum Balas

Sila tandakan jawapan anda.

1. Setakat mana anda membaca GENERASI PENGGUNA?
 - Tidak membaca
 - Sepintas lalu
 - Membaca kebanyakan kandungan
 - Membaca keseluruhan kandungan
2. Sejauh manakah kesesuaian maklumat yang terdapat di dalam GENERASI PENGGUNA?
 - Tidak sesuai
 - Kurang bersesuaian
 - Bersesuaian
 - Sangat bersesuaian
3. GENERASI PENGGUNA mudah difahami; kurang menggunakan perkataan yang sukar difahami dan tidak bersesuaian. Adakah anda:
 - Sangat setuju
 - Setuju
 - Tidak setuju
 - Sangat tidak setuju
4. Bagaimana anda menilai reka bentuk dan susun atur GENERASI PENGGUNA?
 - Sangat baik
 - Baik
 - Sederhana
 - Lemah
5. Topik-topik apakah yang anda minat membaca dalam GENERASI PENGGUNA? *(Boleh jawab lebih daripada satu)*
 - Semasa
 - Kepenggunaan
 - Standard
 - Penggunaan berhemat
 - Kewangan
 - Alam Sekitar
 - Kesihatan
 - Sudut Pengguna
6. Setelah membaca GENERASI PENGGUNA, saya *(boleh jawab lebih daripada satu)*
 - Mengetahui tentang hak saya sebagai seorang pengguna
 - Mengetahui tanggungjawab saya sebagai seorang pengguna
 - Mengetahui kepentingan standard
 - Mula membaca label mengenai (keselamatan produk) semasa membeli barang
 - Lebih berhati-hati dalam menggunakan sumber seperti air, elektrik dan petrol
 - Membeli barang berdasarkan keperluan
 - Merancang perbelanjaan terlebih dahulu
 - Mula membuat simpanan wang setiap bulan
 - Mula mempraktikkan amalan kitar semula
 - Lebih memahami isu pemanasan global
 - Mengamalkan cara pemakanan yang sihat
 - Memulakan gaya hidup aktif seperti bersenam
 - Lebih memahami fungsi dan peranan KPDNKK
 - Memahami peranan FOMCA
7. Adakah anda mempunyai sebarang komen mengenai GENERASI PENGGUNA yang ingin anda kongsi?
.....
.....
.....
.....
.....
.....

Butir Individu

Untuk melayakkan anda menerima hadiah, sila isikan latar belakang anda di bawah:-

- Nama: Jantina: Lelaki Perempuan
- Alamat Rumah: Bangsa: Melayu Cina
..... India Orang Asal / Lain-lain
.....
- No Tel: Institusi/Pekerjaan: Rendah Menengah
..... IPTA/IPTS Guru/Pensyarah
- Emel: Lain-lain



MALAYSIA
 Selangor Darul Ehsan,
 47300 Petaling Jaya,
 Jalan SS 9A/17,
 No 1D-1, Bangunan SKPPK,
 FOMCA,

SIDANG REDAKSI GENERASI PENGGUNA

kepada:

RM0.80
 SETEM

Tinjauan Terhadap Pembaca Generasi Pengguna 2012



GENERASI PENGGUNA merupakan penerbitan bulanan semenjak September 2011. GENERASI PENGGUNA memuatkan pelbagai topik kepenggunaan secara amnya. Pihak Sidang Redaksi GENERASI PENGGUNA ingin mendapatkan maklum balas daripada pembaca GENERASI PENGGUNA untuk meningkatkan kualiti, prestasi dan kesesuaian kandungan penerbitan ini.

Kami sangat menghargai sekiranya anda dapat meluangkan sedikit masa untuk mengisi borang maklum balas ini. Sila berikan pendapat anda dengan sejujurnya mengenai penerbitan GENERASI PENGGUNA ini.

Sebagai tanda penghargaan, kami telah menyediakan TANBUNG 1MALAYSIA secara PERCUMA untuk penerimaan setiap borang maklumbalas yang ke 10.

Borang maklum balas ini akan ditutup pada 1 MAC 2013. Borang maklum balas yang diterima selepas tarikh tersebut tidak layak untuk menerima sebarang hadiah. Namun anda masih boleh menghantarkan borang maklum balas ini selepas tarikh tutup.

Alamatkan kepada:

SIDANG REDAKSI GENERASI PENGGUNA
 FOMCA, No 1D-1, Bangunan SKPPK,
 Jalan SS 9A/17, 47300 Petaling Jaya, Selangor
 Faks : 03-7877 1076
 E-mel : fomca@fomca.org.my

Anda juga boleh layari laman sesawang FOMCA di www.fomca.org.my untuk mengisi borang maklum balas elektronik.

Terima kasih di atas penyertaan anda!!

